

Dr. Mahathir tidak rasmikan mesyuarat UMNO bahagian

KANGAR 1 Ogos - UMNO Bahagian Padang Besar bersetuju membatalkan jemputan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi merasmikan mesyuarat bahagian itu 27 Ogos ini tetapi bekas Perdana Menteri tersebut akan menyampaikan ceramah pada satu majlis di Beseri sehari sebelum mesyuarat berlangsung.

Ketua UMNO Bahagian Padang Besar, Datuk Zahidi Zainol Abidin berkata, pembatalan itu dilakukan ekoran teguran Setiausaha Agung parti, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad Sabtu lalu bahawa hanya pemimpin tertentu dalam parti boleh merasmikan mesyuarat bahagian.

Menurutnya, beliau tidak sedar tentang peraturan berkenaan dan hanya mengikut amalan yang pernah dilakukan sebelum ini iaitu ketika Dr. Mahathir menjadi Presiden parti apabila beberapa pemimpin bukan Melayu juga pernah dibenar merasmikan mesyuarat UMNO.

"Antara pemimpin terlibat ialah Datuk Seri S. Samy Vellu,

Datuk Seri Lim Keng Yaik, Datuk M. Kayveas dan Datuk Chong Kah Kiat, jadi kita hanya mengikut amalan yang pernah dilakukan sebelum ini," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Katanya, beliau dan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Padang Besar telah mengadakan perbincangan malam tadi ekoran teguran Setiausaha Agung parti itu dan selepas mengambil kira pelbagai pandangan, bersetuju mematuhi arahan ibu pejabat parti.

Bagaimanapun katanya, UMNO bahagian bersetuju mengadakan majlis ceramah yang akan disampaikan oleh Dr. Mahathir yang menyentuh pelbagai perkara khusus untuk memartabatkan kedaulatan orang Melayu terutama ketika negara menyambut bulan kemerdekaan.

Mengenai mesyuarat bahagian, kata Zahidi, beliau bercadang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Presiden parti, merasmikannya.